

## Saman Penghutang Penghakiman: Keperluan Perintah Nafkah atau Perintah Tunggakan Nafkah

*Judgment Debtor Summons: Requirements for Maintenance Order or Recovery of Arrears of Maintenance Order*

MOHD HAZWAN ISMAIL, Universiti Sains Malaysia  
JASNI SULONG, Universiti Sains Malaysia

Received: May 5, 2021 Accepted: June 3, 2021 Online Published: June 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### ABSTRAK

Saman penghutang penghakiman (SPP) adalah penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia. Saman penghutang penghakiman dibincangkan dalam peruntukan khas di Bab 4 Akta/Enakmen tersebut dan ia adalah pelaksanaan perintah yang berkait dengan kewangan sahaja. Permasalahan berlaku apabila berlaku dua keputusan mahkamah yang berbeza berhubung permohonan saman penghutang penghakiman, yang meminta pemohon mendapatkan perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu, dan terdapat kes yang membenarkan permohonan saman penghutang penghakiman apabila berlaku sahaja tunggakan daripada perintah nafkah sebelumnya. Isu yang timbul di sini ialah manakah daripada kedua keputusan tersebut yang lebih tepat dan adil kepada pihak-pihak yang bertikai? Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif yang dilakukan secara kajian dokumentasi dan pemerhatian, iaitu kajian akan meneliti dokumen-dokumen yang terdiri daripada statut, Arahan Amalan dan kes-kes yang telah diputuskan. Dapatkan kajian mendapati bahawa penuntut boleh memohon saman penghutang penghakiman tanpa perlu mendapatkan perintah tunggakan nafkah. Taksiran tunggakan nafkah boleh diperolehi melalui Pendaftar Mahkamah dengan mengemukakan dokumen yang mencukupi. Penuntut perlu mengemukakan keterangan serta dokumen yang kukuh bagi mendapatkan taksiran nafkah sebelum SPP dikeluarkan. Prosedur ini akan dapat melaksanakan hak pemiutang penghakiman dengan segera tanpa perlu proses perbicaraan yang memakan masa untuk mendapat perintah tunggakan nafkah.

**Kata Kunci:** saman penghutang penghakiman, perintah tunggakan nafkah, perundangan, mahkamah syariah.

### ABSTRACT

*Judgment Debtor Summons (SPP) enforces and executes the Syariah Court Civil Procedure Act/Enactment orders in all states in Malaysia. Judgment Debtor Summons is discussed in Chapter 4 under the said Act/Enactment, and the judgment only involves the monetary charges only. The problem occurs when there is a different judgment on debtor summons by the syariah courts, asking the applicant to obtain a maintenance arrears order before the application. While in the other case, a court accepted and was satisfied with the previous maintenance order. The issue raised here is which of the two decisions is more accurate and fair to the disputing party? This study is a qualitative study conducted by documentation and observation methods. The study will examine documents that involve statutes, instructional practice as well as decided cases. The study's findings found that the plaintiff can apply for a judgment debtor summons without the order for maintenance arrears. The plaintiff can obtain the assessment of arrears of maintenance through the Registrar of the Court by submitting sufficient documents. The plaintiff needs to present evidence and vital records to receive a court assessment before the SPP is issued. The procedure can provide the creditor's right to judgment immediately without wasting time for the trial process to recover arrears maintenance.*

**Keyword:** judgment debtor summons, recovery of arrears of maintenance order, law, Syariah court.

### PENGENALAN

Nafkah adalah tanggungjawab kewangan atau kebendaan yang wajib dibayar oleh wali atau ketua keluarga seperti suami, bekas suami atau bapa ke atas

tanggungannya. Kewajipan tanggungan ini termaktub di dalam al-Qur'an mahupun al-Hadith. Misalnya firman Allah SWT dalam Surah al-Talaq, ayat 7:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ <sup>ط</sup> وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا

آتَاةَ اللَّهِ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا سَيَجْعَلُ  
اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksudnya: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

Berdasarkan ayat al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi Muhammad S.A.W., para sarjana Islam bersepakat secara ijmak mengenai kewajiban menunaikan nafkah dalam keluarga. Tanggungjawab ini adalah bagi menampung keperluan asasi ahli keluarga yang berupa makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan selainnya sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 233:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنْمِ  
الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

Manakala sumber daripada hadith antara lainnya boleh dirujuk kepada hadith yang diriwayatkan daripada Hakim ibn Mu'awiyah daripada ayahnya, Mu'awiyah ibn Haidah ada menceritakan:

يا رسول الله! ما حق زوجة أحدنا عليه؟ قال: أن تطعمها  
إذا طعمت، وتكسوها إذا اكتسبت -أو: اكتسبت

Maksudnya: Wahai Rasulullah apa hak salah seorang isteri kami? Rasul bersabda: 'Kamu memberinya makan ketika kamu makan, memberinya pakaian ketika kamu berpakaian, ...

Berdasarkan dalil al-Qur'an, al-Hadith dan ijmak fuqaha, maka pelaksanaan undang-undang mengenai nafkah orang-orang Islam di Malaysia adalah menerima pakai keputusan tersebut.

## LATAR BELAKANG PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun hukum nafkah adalah wajib dan ia jelas berdasarkan sumber perundangan Islam yang dibincangkan di atas, masih ada suami, bapa atau wali yang engkar kepada perintah tersebut. Isteri, bekas isteri atau anak-anak terpaksa mengemukakan tuntutan kepada mahkamah syariah bagi mendapatkannya jika berlaku sedemikian. Oleh itu, perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah syariah adalah merupakan penegasan atau sokongan kepada taklif yang wajib dibayar oleh suami, bekas suami atau si bapa ke atas tanggungannya.<sup>1</sup> Sekiranya taklif ini tidak dibayar, maka ia dikira sebagai hutang dan sekiranya berlaku kemungkiran membayarnya dalam satu tempoh tertentu, maka hutang tersebut menjadi tunggakan.

Menurut peruntukan undang-undang, tunggakan hutang boleh terjadi walaupun terdapat kemungkiran membayar nafkah bagi satu bulan sahaja.<sup>2</sup>

Tunggakan nafkah boleh dituntut oleh seseorang isteri untuk dirinya dan tuntutan ibu bagi kepentingan anak-anaknya. Bagi anak-anak, sekiranya bapa kanak-kanak telah meninggal dunia atau tidak dapat dikesan dan nafkah hanya dibiayai oleh ibunya sahaja, maka tanggungjawab nafkah itu akan menjadi hutang ke atas ibu.<sup>3</sup> Mahkamah berkuasa untuk memerintahkan tunggakan nafkah itu dibayar semula oleh seseorang bapa apabila bapa telah dapat dikesan. Nilai nafkah yang wajib ditanggung oleh bekas suami atau bapa, tidaklah ditentukan oleh undang-undang secara khusus, cuma ia akan ditaksirkan berdasarkan kemampuan pihak yang bertanggungjawab yang disesuaikan dengan keperluan semasa waris tanggungan.<sup>4</sup>

Dalam amalan di mahkamah syariah, terdapat dua praktis yang telah diamalkan oleh hakim syarie. Terdapat setengah hakim syarie menghendaki wujudnya perintah tunggakan nafkah ke atas seseorang penanggung nafkah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum mendengar tuntutan berhubung saman penghutang penghakiman. Ini kerana hakim syarie tersebut memerlukan satu jumlah tertentu yang menyatakan jumlah tunggakan hutang telah berlaku sebelum satu saman dikeluarkan yang merujuknya sebagai telah berlaku penghutang penghakiman. Hakim syarie ini akan menolak permohonan saman penghutang penghakiman yang difailkan atau sekiranya pemfailan kes telah diterima maka hakim syarie akan menolaknya sewaktu membuat keputusan.<sup>5</sup> Bagaimanapun, terdapat juga hakim syarie yang membenarkan pemfailan saman penghutang penghakiman dan membuat keputusan berkenaannya tanpa melihat kepada nilai tunggakan nafkah yang telah tertunggak.<sup>6</sup> Justeru, kajian ini akan membincangkan berkenaan keperluan perintah nafkah atau perintah tunggakan nafkah di sisi undang-undang sebelum mendengar mengenai saman penghutang penghakiman.

## PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Perkara berkaitan tunggakan nafkah ada diperuntukkan dalam Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam setiap negeri.<sup>7</sup> Manakala perkara berkaitan saman penghutang penghakiman pula ada diperuntukkan dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah setiap negeri.<sup>8</sup>

### Tunggakan Nafkah

Kemungkiran membayar nafkah pada masanya boleh menyebabkan berlakunya tunggakan. Tunggakan ini dan nafkah bulanan semasa boleh dituntut sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 69 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, berikut<sup>9</sup>:

"(1) Tunggakan nafkah yang tanpa jaminan boleh dituntut sebagai suatu hutang daripada pihak yang

mungkir itu dan, jika tunggakan itu terkumpul kena dibayar sebelum suatu perintah penerimaan dibuat terhadap pihak yang mungkir itu, tunggakan itu boleh dibuktikan dalam kebankrapannya dan, jika tunggakan itu terkumpul kena dibayar sebelum dia mati, tunggakan itu hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar daripada harta pusakanya.<sup>9</sup>

Peruntukan undang-undang di atas adalah merujuk kepada tunggakan hutang nafkah yang dituntut oleh seseorang plaintif sebelum mendapat perintah mengenai nafkah daripada mahkamah. Frasa "*tanpa jaminan*" dan "*sebelum suatu perintah penerimaan dibuat terhadap pihak yang mungkir itu*" jelas menunjukkan bahawa belum ada sebarang perintah lagi yang dikeluarkan oleh mahkamah.<sup>10</sup> Kemungkinan pembayaran nafkah ini boleh berlaku sama ada sebelum perceraian atau selepas perceraian.<sup>11</sup> Berdasarkan keadaan ini, dapat difahami bahawa penguatkuasa SPP tidak dapat dilakukan apabila tiada apa-apa perintah yang pernah dikeluarkan oleh mahkamah sebelum itu.<sup>12</sup> Dalam hal ini, pihak-pihak yang bertikai boleh bermuafakat untuk bersetuju dengan jumlah amaun tertentu bagi tunggakan nafkah tersebut dan mahkamah boleh mengeluarkan perintah bagi mengesahkan tunggakan dan nilai yang berlaku.<sup>13</sup>

Keperluan kepada perintah berhubung nafkah tertunggak dan nilainya boleh diteliti menerusi dua kes berikut. Dalam kes *Nurasikin binti Othman lwn Mohd Hafiz bin Ahmad (2017)*,<sup>14</sup> plaintif dan defendan telah berkahwin pada 25hb Disember 2010 dan bercerai pada 26hb Mei 2016. Dalam tempoh 6 tahun perkahwinan tersebut, pihak plaintif menuntut bahawa defenden tidak pernah membayar nafkah. Justeru pada 13hb Mac 2017, plaintif telah memfailkan tuntutan nafkah diri tertunggak sebanyak RM8,200 selama tempoh mereka bersama. Di akhir perbicaraan pada 18hb Disember 2018, mahkamah telah memberi perintah kepada defendan supaya membayar nafkah tertunggak kepada plaintif sebanyak RM8,200 dan dibayar secara ansuran sebanyak RM200 sebulan bermula Januari 2019 sehingga selesai.

Satu lagi contoh kes tunggakan nafkah adalah *Suriati binti Othman lwn Abdul Ghani bin Yusuf (2016)*.<sup>15</sup> Dalam kes ini, pasangan tersebut telah berkahwin pada 2hb Mei 2014 dan bercerai pada 7hb Ogos 2014. Dalam tempoh perkahwinan, defendan telah gagal memberi nafkah kepada plaintif bermula Mei 2014 sehingga Ogos 2014 dan tiada sebarang perintah nafkah dikeluarkan akibat kemungkiran tersebut. Setelah dua tahun berlalu iaitu pada Februari 2016, plaintif telah memfailkan tuntutan tunggakan nafkah tersebut dan di akhir perbicaraan, mahkamah pada 31hb Disember 2016 telah memerintahkan supaya defendan membayar nafkah tertunggak yang selama tiga bulan itu sebanyak RM15,000. Defendan diperintahkan untuk membayar bermula pada bulan Januari 2019 sehingga selesai iaitu dengan ansuran sebanyak RM300 sebulan. Berdasarkan kes-kes ini, tuntutan nafkah boleh bersifat tuntutan nafkah semasa atau tuntutan ke atas tunggakan nafkah yang telah

berlaku lama sebelum itu.

### Saman Penghutang Penghakiman

Peruntukan berkaitan saman penghutang penghakiman diperuntukkan dalam Bab 4 Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah setiap negeri iaitu dalam Seksyen 175 sehingga 185.<sup>16</sup> Secara lebih khusus, peruntukan saman penghutang penghakiman boleh diteliti daripada Seksyen 176 sehingga 178.

Saman penghutang penghakiman dimulakan dengan Notis Penghakiman. Berdasarkan Seksyen 176 (1), undang-undang memperuntukkan:

"(1) Jika penghakiman Mahkamah adalah untuk mendapatkan pembayaran wang, pemiutang penghakiman yang berhak menguatkuasakan penghakiman yang bertanggung di bawah penghakiman itu hadir di Mahkamah untuk diperiksa secara lisan tentang keupayaannya membayar atau menyelesaikan hutang penghakiman itu dan untuk mendapatkan apa-apa harta yang boleh digunakan bagi pembayaran itu."

Maksud "*penghakiman Mahkamah adalah untuk mendapatkan pembayaran wang*" adalah mahkamah telah memerintahkan bagi pihak yang bertanggung untuk membiayai nafkah tersebut. Manakala maksud "*pemiutang penghakiman yang berhak menguatkuasakan penghakiman*" adalah merujuk kepada Pihak Yang Menuntut yang mempunyai hak untuk menuntut kembali wang dari pihak yang bertanggung dengan cara memohon untuk tindakan penguatkuasaan oleh mahkamah. Selepas itu, pihak yang bertanggung atau Pihak Yang Dituntut tersebut akan dipanggil dan diperiksa oleh mahkamah tentang justifikasi kegagalannya daripada melaksanakan perintah yang telahpun dikeluarkan oleh mahkamah.

Manakala Seksyen 176 (2) pula memperuntukkan tentang kaedah bagi memohon untuk mendapatkan saman penghutang penghakiman:

"(2) Suatu permohonan bagi meminta kehadiran seseorang penghutang penghakiman di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan memfailkan suatu permintaan dalam Borang MS 42 yang ditandatangani oleh pemohon atau Peguam Syariannya."

Mana-mana pihak sama ada pihak Yang Menuntut, Pemiutang Penghakiman atau wakilnya iaitu peguam syarie boleh hadir ke mahkamah dan memohon supaya dikeluarkan saman penghutang penghakiman terhadap responden (Pihak Yang Dituntut) apabila terdapatnya kemungkiran dan tunggakan ke atas perintah nafkah yang telah dikeluarkan. Pemfailan tersebut dibuat melalui borang MS 42 dan disertakan affidavit atau keterangan sokongan bagi mengukuhkan butir-butir tunggakan sejak mula perintah dikeluarkan sehinggalah kes difailkan.<sup>17</sup> Apabila permohonan ini dibenarkan, barulah mahkamah akan mengeluarkan saman penghutang penghakiman melalui Borang MS 43 yang ditandatangani oleh hakim atau pendaftar mahkamah setelah berpuas hati dengan perbicaraan

yang dijalankan. Penelitian adalah berdasarkan pada taksiran hutang tertunggak, pengesahan ke atas dokumen-dokumen seperti penyata bank dan ikrar oleh pemiutang penghakiman di hadapan hakim atau pendaftar. Taksiran tersebut telah memenuhi

kecukupan yang diperlukan bagi mengesahkan berlakunya tunggakan hutang.<sup>18</sup> Berikut ialah Borang MS 42 (Rajah 1) dan MS 43 (Rajah 2) dan butirannya yang terlibat.

Rajah 1: Borang MS 42, Permintaan Untuk Mendapatkan Saman Penghutang Penghakiman<sup>19</sup>

**BORANG MS 42**

ENAKMEN TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI PULAU PINANG) 2004

[Subseksyen 176(2)]

PERMINTAAN UNTUK MENDAPATKAN SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN

*(Tajuk Am)*

Kepada Pendaftar,

Sila keluarkan Saman Penghutang Penghakiman terhadap (nama dan perihalan penghutang penghakiman) yang beralamat di (alamat penghutang penghakiman) berkenaan dengan penghakiman (atau perintah) dalam prosiding ini bertarikh ..... haribulan ..... 20 ..... yang masih belum ditunaikan sebanyak RM .....

Suatu salinan termeterai penghakiman itu dilampirkan bersama-sama ini. Bertarikh pada ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
*Pemiutang Penghakiman (atau Peguam Syarie bagi Pemiutang Penghakiman)*

Alamat penyampaian saya ialah .....

Sumber: Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004

Rajah 2: Borang MS 43, Saman Penghutang Penghakiman<sup>20</sup>

**BORANG MS 43**

ENAKMEN TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI PULAU PINANG) 2004

[Subseksyen 177(1)]

(1) SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN

*(Tajuk Am)*

Kepada

..... yang beralamat di ..... penghutang  
penghakiman yang dinamakan di atas.  
Anda dengan ini disaman supaya hadir di hadapan Mahkamah Syariah

diperiksa pada waktu itu dan di situ juga berkenaan dengan keupayaan anda untuk menunaikan penghakiman yang didapatkan terhadap anda dalam tindakan di atas pada ..... haribulan .....20 ..... sebanyak RM ..... dan kos sebanyak RM dan yang berikutan dengan penghakiman itu jumlah wang sebanyak RM ..... masih lagi terhutang. Ambil perhatian bahawa jika anda tidak hadir sedemikian, maka perintah untuk menangkap anda boleh dikeluarkan atau suatu perintah bagi pembayaran boleh dibuat terhadap anda tanpa kehadiran anda.

Bertarikh pada ..... haribulan ..... 20 .....

Catatan No. .... tahun 20 .....

*Kerani*

(Meterai)

.....  
*Hakim/Pendaftar*

Sumber: Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004

Borang MS 43 atau dikenali sebagai surat saman penghutang penghakiman perlu diserahkan kepada Penghutang Penghakiman sekurang-kurangnya 7 hari sebelum kes disebut di hadapan hakim.<sup>21</sup> Penyerahan tersebut boleh dilakukan sama ada oleh penghantar notis mahkamah ataupun oleh peguam yang dilantik oleh pemiutang penghakiman. Saman ini juga perlu diserahkan secara sendiri. Walau bagaimanapun, sekiranya saman secara sendiri tidak berjaya, peguam atau pemiutang penghakiman boleh memohon kepada mahkamah untuk menyampaikan saman tersebut secara gantian tampalan atau iklan.<sup>22</sup>

#### LATAR BELAKANG DAN PERBINCANGAN KES

Apabila perintah nafkah isteri atau nafkah anak telah diperolehi dari mahkamah, maka pemiutang penghakiman berhak memfailkan pelaksanaan saman penghutang penghakiman sekiranya terdapat tunggakan hutang. Namun begitu, terdapat beberapa kes yang difailkan di mahkamah syariah yang memerlukan kepada perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu sebelum SPP dimulakan. Keadaan ini menunjukkan berlakunya amalan yang berbeza di sesetengah mahkamah syariah dalam menerima dan menguatkuasakan saman penghutang penghakiman. Ini menyebabkan berlakunya pertikaian apabila ada pihak peguam penghutang penghakiman telah melakukan bantahan kepada peguam pemiutang penghakiman.

Contoh kes berkaitan perlunya kepada perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu adalah kes *Abdul*

*Sany Faizal bin Abdul Rahman lwn Zulraini binti Zulkifli (2009)*<sup>23</sup> di Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam kes ini mahkamah telah menghujahkan bahawa responden sepatutnya memfailkan tuntutan tunggakan nafkah anak terlebih dahulu dan perlu dibicarakan di dalam perbicaraan penuh untuk menentukan sama ada terdapat tunggakan nafkah ataupun tidak. Sekiranya terdapat jumlah tunggakan yang muktamad, barulah responden boleh memfailkan permohonan melalui SPP.

Begitu juga dalam kes *Azlinda Wahab lwn. Fazley Zulfikar Ismail (2018)*<sup>24</sup>, Mahkamah Rendah Syariah Seremban memutuskan perlu ada perintah tunggakan nafkah dahulu sebelum dilakukan SPP. Hakim bicara telah merujuk kepada kes *Abdul Sany Faizal bin Abdul Rahman lwn Zulraini binti Zulkifli (2009)* di atas dan memutuskan bahawa perlunya pemiutang penghakiman memfailkan perintah untuk mendapatkan nafkah tertunggak terlebih dahulu sebelum memfailkan SPP. Turut diputuskan, kes SPP hanya boleh difailkan sekiranya perintah yang dikeluarkan tersebut berdasarkan jumlah yang muktamad dan tertentu. Misalnya seperti perintah bahawa bayaran mut'ah adalah sebanyak RM20,000. Jadi nilai yang muktamad ini tidak lagi memerlukan siasatan lanjut tentang kemampuan dan keupayaan defendan dan wajarlah ia menjadi satu saman bagi perintah yang jelas tersebut kepada defendan untuk membayarnya.

Namun begitu, sekiranya perintah itu melibatkan jumlah yang tidak muktamad seperti jumlah nafkah anak yang perlu dibayar RM500 sebulan, maka perubahan masih akan berlaku dari masa ke semasa

ke atas nilai perintah nafkah terbabit. Oleh itu, pemiutang penghakiman perlu memfailkan untuk mendapatkan perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu supaya mahkamah syariah dapat memuktamadkan jumlah yang tetap dan wajar bagi perintah yang akan dikeluarkan. Oleh kerana itu, dalam kes-kes sebegini mahkamah syariah akan menolak kes permohonan untuk mendapatkan SPP. Pemiutang penghakiman perlu mendapatkan perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu untuk memudahkan mahkamah syariah menentukan jumlah yang muktamad untuk disaman sebagai saman penghutang penghakiman.

Berdasarkan prinsip yang sama dalam kes *Maslinda Abdul Rahman lwn Mohd Alias Jab (2018)*,<sup>25</sup> Mahkamah Rendah Syariah Seremban, Negeri Sembilan telah menolak permohonan plaintif dan menghendaki plaintif memfailkan tuntutan tunggakan nafkah anak terlebih dahulu. Berdasarkan peruntukan Seksyen 70 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ada memperuntukkan:

(1) *“Tunggakan nafkah yang tidak bercagar, boleh dituntut sebagai suatu hutang daripada pihak yang mungkir itu dan, jika tunggakan terakru itu kena dibayar sebelum suatu perintah penerimaan dibuat terhadap pihak yang mungkir itu, tunggakan itu boleh dibuktikan dalam kebangkrapannya dan, jika tunggakan terakru kena dibayar sebelum dia mati, tunggakan itu hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar daripada harta pusakanya.*

(2) *Tunggakan nafkah yang tidak bercagar yang terakru kena dibayar sebelum orang yang berhak kepadanya itu mati boleh dituntut sebagai suatu hutang oleh wakil diri di sisi undang-undang orang itu.”*

Peruntukan ini menunjukkan kegagalan membayar nafkah anak akan menjadi tunggakan, dan boleh dituntut sebagai hutang.

Berlainan daripada prinsip di atas, terdapat beberapa kes yang menerima permohonan SPP walaupun tanpa dimulakan dengan perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu. Kes-kes tersebut ialah kes *Nor Azmin bin Tajul Arifin lwn Reni Elvira binti Nasrul (2015)*,<sup>26</sup> *Aidorra binti Ibrahim lwn Azman bin Abdul Jalil (2008)*<sup>27</sup> dan *Mohd Yusoff bin Ali lwn Zaharah binti Ayob (2019)*.<sup>28</sup> Berdasarkan kes *Nor Azmin bin Tajul Arifin lwn Reni Elvira binti Nasrul (2015)*, permohonan terus dimulakan dengan SPP dengan penuntut mengisi Borang MS 42. Semasa mengisi borang ini, penuntut turut mengemukakan satu salinan penghakiman yang menunjukkan telah berlaku tunggakan bayaran. Turut dilampirkan oleh penuntut ialah affidavit sokongan bagi memperkuat lagi keterangan dan butiran bagi menunjukkan bahawa kes tunggakan bayaran memang telah berlaku. Mahkamah kemudiannya berpuas hati dengan segala maklumat dan keterangan yang diberikan dan telah mengeluarkan SPP sebagaimana pernyataan dalam Borang MS 43. Dalam keputusannya, hakim

*“Di dalam kedua-dua peruntukan tersebut, tidak dinyatakan bahawa sesuatu permintaan SPP (Borang MS 42) perlu dilampirkan bersama-sama dengan affidavit sokongan Pemohon. Pada hemat kami, amalan melampirkan affidavit Pemohon bersama-sama dengan borang MS 42 adalah sebagai asas atau rujukan kepada Pendaftar sebelum borang MS 43 dikeluarkan. Pemohon boleh menunjukkan bahawa keingkaran kepada penghakiman yang menyebabkan berlakunya tunggakan bayaran wang dan jumlahnya melalui affidavit tersebut. Ini adalah kerana jumlah tunggakan yang dikatakan berlaku akan dinyatakan dalam borang MS 43 (SPP). Oleh itu, walaupun ianya bukan merupakan keperluan, pemfailan affidavit Pemohon bersama borang MS 42 boleh dibenarkan. Pada pendapat kami ianya juga tidak mendatangkan ketidakadilan dan prejudis kepada kedua-dua pihak Pemiutang dan Penghutang Penghakiman.”*<sup>29</sup>

Berdasarkan diktem hakim ini, apa yang penting ialah maklumat melalui affidavit yang dikemukakan dapat membantu pegawai mahkamah tentang wujudnya kes tunggakan dan perkara ini juga dapat memberi keadilan kepada kedua-dua belah pihak. Oleh itu, mahkamah apabila berpuashati akan membenarkan SPP tanpa perlu kepada perintah tunggakan nafkah dilakukan terlebih dahulu.

Kes kedua adalah kes *Aidorra binti Ibrahim lwn Azman bin Abdul Jalil (2008)*.<sup>30</sup> Dalam kes ini, pemiutang telah memfailkan SPP kepada mahkamah setelah berlakunya tunggakan nafkah. Perintah nafkah anak telahpun diperolehi sebelum itu. Penghutang telah cuai dengan tidak memberikan nafkah anak sehingga jumlah tunggakan hutang mencecah RM12,750 keseluruhan. Jumlah tunggakan tersebut dinilai berdasarkan taksiran di hadapan pendaftar mahkamah dengan menggunakan borang MS 42 yang difailkan oleh pemiutang bersama-sama affidavit sokongan dan disertakan dokumen-dokumen berkaitan. Setelah pendaftar menyemak secara terperinci dan berpuashati dengan maklumat yang dibekalkan, pendaftar telah bersetuju dan menandatangani borang MS 43 untuk meneruskan saman ke atas penghutang penghakiman. Justeru, penghutang diperintahkan untuk membayar tunggakan hutang nafkah berjumlah RM12,750 dan dibayar secara ansuran sebanyak RM600 sebulan selama 20 bulan dan bayaran terakhir sebanyak RM750. Mahkamah juga arahkan perintah nafkah anak semasa akan terus berjalan dan dibayar seperti biasa.

Kes terakhir yang dirujuk bagi SPP yang dikeluarkan tanpa perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu ialah kes *Mohd Yusoff bin Ali lwn Zaharah binti Ayob (2019)*.<sup>31</sup> Kes ini dirayu di Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang setelah Perayu tidak berpuas hati dengan nilai perintah yang diputuskan oleh hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Dan perayu juga menambah dalam hujahan rayuannya bahawa perlunya kepada perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu sebelum difailkan SPP dengan merujuk kes

*Abdul Sany Faizal bin Abdul Rahman lwn Zulraini binti Zulkifli.*<sup>32</sup> Walau bagaimanapun, rayuan yang difailkan oleh Perayu ini telah ditolak oleh mahkamah. Ini kerana SPP yang difailkan oleh Responden telah ditaksirkan jumlah tunggakan nafkah oleh Pendaftar mahkamah dan ia dianggap muktamad tanpa perlu kepada perintah tunggakan nafkah. Tambahan lagi, tiada peruntukan undang-undang khas yang menyatakan perlunya perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu bagi setiap permohonan SPP. Jika perlu kepada perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu, ia secara jelas akan membazirkan masa pihak pemiutang dan boleh mendatangkan kemudaratan kerana melengah-lengahkan hak pemiutang.<sup>50</sup> Berdasarkan 6 contoh kes yang dihuraikan di atas, jelas terdapat perbezaan pendekatan dalam kalangan para hakim apabila menerima dan menolak permohonan untuk SPP. Faktor yang membawa kepada perbezaan ini ialah ketidakjelasan peruntukan undang-undang berkaitan keperluan perintah tunggakan nafkah dan kefleksibelan para pegawai mahkamah menerima sesuatu permohonan apabila terdapat maklumat atau affidavit yang mencukupi berkaitan permohonan yang dikemukakan.

#### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Bagi tujuan analisis, kajian meneliti semula peruntukan Seksyen 175 sehingga 178 berkaitan dengan Saman Penghutang Penghakiman. Seksyen 175 ada menyebut perkataan "*penghakiman*"<sup>33</sup> yang merujuk kepada segala keputusan atau perintah yang "*termasuklah apa-apa perintah bagi pembayaran wang.*" Ini bermakna, apabila plaintif memfailkan tuntutan nafkah isteri atau nafkah anak untuk mendapatkan hak kewangan yang wajib dibayar dan mahkamah telah mengeluarkan perintah kepada defendan bagi tujuan tersebut, maka defendan adalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perintah tersebut. Oleh itu, sekiranya defendan telah melanggar perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah, maka peruntukan khas berhubung dengan saman penghutang penghakiman boleh dilaksanakan.

Apabila perintah nafkah telah dikeluarkan oleh sesebuah mahkamah, sekiranya defendan telah mengabaikan perintah nafkah tersebut, maka terjadi tunggakan nafkah. Tunggakan ini boleh diketahui nilainya apabila dilakukan hitungan berdasarkan perintah awal tadi. Maka tidak perlu lagi perintah tunggakan nafkah kerana perintah nafkah sudah termasuk dalam "*penghakiman*" yang dimaksudkan oleh undang-undang. Sekiranya terdapat tunggakan, maka pemakaian bagi Seksyen 175 sudah memadai bagi maksud apa-apa perintah bagi pembayaran wang dan terus kepada pelaksanaan SPP yang dimulakan borang MS 42 melalui Seksyen 176.<sup>34</sup> Dalam hal ini, mahkamah tidak perlu bersidang kali kedua untuk mendengar perkara yang sama, memadai dengan perintah awal yang dikeluarkan melainkan sekiranya

berlaku pindaan kepada jumlah tuntutan nafkah yang ingin dipohon.

Oleh itu, apabila Borang MS 42 difailkan kepada pendaftar mahkamah, pendaftar akan melakukan siasatan dan setelah berpuas hati dengan affidavit sokongan yang disertakan dengan keterangan dan dokumen-dokumen yang berkaitan, maka sepatutnya mahkamah akan membenarkannya dengan mengeluarkan borang MS 43. Ini kerana maklumat yang diperlukan oleh mahkamah dalam menilai wujudnya tunggakan nafkah telah mencukupi, dan perintah untuk membayar nafkah sebelumnya telah mempunyai kuasanya. Menjelaskan lagi prosedur ini, nilai sesuatu tunggakan nafkah boleh didapati semasa proses taksiran di hadapan pendaftar. Prosedur ini adalah berdasarkan peruntukan Seksyen 178 (1)<sup>35</sup> yang menyatakan bahawa, "*Mahkamah boleh memeriksa penghutang penghakiman itu dan saksi-saksi lain dengan iqrar*". Manakala Seksyen 178 (3)<sup>36</sup> pula menyebut perkataan "*membayar hutang penghakiman.*" Ini menunjukkan bahawa SPP itu sendiri adalah suatu proses siasatan dengan cara meneliti kesahihan perintah mahkamah berkenaan tuntutan nafkah dan menyasiat kemungkiran yang berlaku sehingga wujudnya tunggakan. Kemudian pendaftar akan tentukan jumlah hutang tunggakan yang muktamad dan menguatkuasa keengkarannya itu dengan meluluskan SPP.

Dapatan kepada analisis ini juga boleh dirujuk pada penghakiman kes *Noraini Taha lwn Rizal Sazali Omar (2008)*<sup>37</sup> di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. telah memutuskan seperti berikut:

"1-Tindakan disini adalah tindakan pasca penghakiman dan berbentuk menguatkuasaan perintah. Oleh itu, soal bidangkuasa mahkamah sudah tidak berbangkit lagi. Soal bidangkuasa ini telah diselesaikan oleh mahkamah di bawah dalam kes asal dimana perintah nafkah dikeluarkan. Oleh itu, walaupun defendan telah bertukar pemastautinan ia tidak menjejaskan mahkamah menguatkuasakan perintah nafkah disini.

2- Berdasarkan fakta kes jumlah yang masih terhutang oleh defendan setakat Ogos 2006 ialah RM23,800. Oleh itu, jumlah ini disah dan disabitkan oleh mahkamah. Fakta seterusnya menunjukkan bahawa pendapatan bersih semasa adalah sebanyak RM1,570 sebulan. Berdasarkan kedudukan ini bagi melunaskan perintah nafkah tertunggak adalah adil dan wajar untuk membenarkan defendan membayar RM500 sebulan selama 46 bulan dan RM800 sebulan pada bulan ke 47. Apapun defendan masih berkewajipan membayar nafkah anak sebanyak RM3,000 sebulan seperti yang diperintahkan mahkamah di bawah. Perintah tersebut akan terus berkuatkuasa selagi mana ianya tidak diubah atau sehingga anak-anak tersebut tidak layak lagi dinafkahi."<sup>61</sup>

Justeru, berdasarkan kes di atas jelas menunjukkan bahawa tidak ada satu perintah tunggakan nafkah anak yang perlu difailkan terlebih dahulu bagi memulakan prosiding SPP. Tunggakan hutang sebanyak RM23,800 setakat Ogos 2006 hanya

disiasat dan diperiksa di hadapan hakim dan penghutang penghakiman telah mengakui hutang tertunggak tersebut. Oleh yang demikian, setelah diperiksa pada tahap kemampuannya, barulah mahkamah memutuskan untuk pembayaran tunggakan hutang tersebut dengan cara ansuran sebanyak RM500 sebulan selama 46 bulan dan RM800 bagi bulan yang ke 47.<sup>38</sup>

Berdasarkan perbincangan ini, sekiranya perintah tunggakan nafkah disyaratkan wujud terlebih dahulu sebelum plaintif memohon SPP, ia adalah suatu kelengahan dan bukan prinsip yang sesuai serta bercanggah dengan tatacara khusus tentang SPP sebagaimana maksud Seksyen 175-178 di atas. Walaupun beberapa kes merujuk duluan tertentu dalam melaksanakan keperluan kepada perintah tunggakan nafkah diperolehi terlebih dahulu, Mahkamah Syariah tidak terikat dengan pemakaian doktrin *stare decisis* (doktrin duluan).<sup>39</sup> Seseorang hakim atau pendaftar mahkamah yang menerima sesuatu kes perlu meneliti kehendak peruntukan undang-undang dengan tepat dan mempunyai kebebasan untuk berjihad tanpa prejudis dan menimbulkan ketidakadilan kepada mana-mana pihak. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:<sup>40</sup>

“Bagaimana engkau akan menghukum di kalangan manusia?” Muadh menjawab: “Dengan kitab Allah.” Baginda menyoal lagi: “Sekiranya tidak ada di dalam kitab Allah?” Muadh menjawab: “Maka aku akan menghukum dengan sunnah Rasulullah s.a.w.” Baginda menyoal lagi: “Sekiranya tidak terdapat di dalam sunnah Rasulullah?” Muadh menjawab: “Aku akan berjihad dengan pendapatku sendiri.”

Mafhum hadis ini sesuai diamalkan oleh para hakim syarie kerana seseorang hakim adalah bebas untuk berjihad apabila diketahui ia lebih mendatangkan keadilan. Kebebasan hakim syarie ini pernah dirumuskan dalam kes *Pendakwa Syarie Iwn Fahyu Hanim, Noni Mohamad & Sharina Shaari (2000)*<sup>41</sup> apabila diputuskan:

“..... Mahkamah Syariah tidak terikat dengan keputusan mahkamah awam atau sivil yang merupakan doktrin duluan. Begitu juga kes-kes Mahkamah Syariah tidak mengikat mana-mana Mahkamah Syariah yang lain dengan perkataan yang lain doktrin duluan mengikat tidak terpakai di Mahkamah Syariah.”

Justeru, pelaksanaan SPP sewajarnya tidak perlu kepada satu perintah baharu dikeluarkan mengenai berlakunya tunggakan nafkah. Tunggakan nafkah secara langsung sebenarnya telah berlaku apabila seseorang telah cuai dengan engkar dan gagal membayar nafkah mengikut perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah sebelumnya. Perkara ini memadai dikemukakan dengan affidavit dan dokumen-dokumen sokongan yang membuktikan pelanggaran sedemikian.

Langkah para pegawai mahkamah dalam memahami prosedur SPP ini adalah penting kerana ia bukan sahaja menjimatkan masa mahkamah, malah mengelak peningkatan kos lain yang tidak munasabah dan mengelak tekanan jiwa kepada pihak pemiutang.

Penuntut bukan sahaja terpaksa mengeluarkan kos untuk peguam, perjalanan dan penginapan, malah perlu meluangkan masa ketika bekerja dan semua ini boleh menjejaskan emosi dan psikologi kepada plaintif. Sedangkan tuntutan yang dilakukan adalah jelas dan telah diperakukan oleh mahkamah sebelumnya melalui perintah yang telah dikeluarkan. Dalam kaedah fiqh ada membicarakan agar semua kemudaratan hendaklah dihilangkan, iaitu:<sup>42</sup>

الضرر يزال

Maksud: kemudaratan hendaklah dihilangkan

Justeru, menghendaki pemohon menuntut perintah ke atas tunggakan nafkah adalah satu kemudaratan, kerana ia sudah dapat dikenalpasti melalui perintah yang dikeluarkan sebelum itu dan melalui bukti dokumen yang menunjukkan kegagalan penanggung nafkah tersebut dalam mematuhi.

## KESIMPULAN

Undang-undang mengenai kekeluargaan Islam di Malaysia dengan jelas telah memperuntukkan mengenai SPP dalam Akta /Enakmen Keluarga Islam setiap negeri masing-masing, iaitu melalui Seksyen 175-178. Peruntukan undang-undang ini dengan jelas telah memberi panduan berkenaan tatacara dan prosedur yang sepatutnya dalam memohon SPP. Walaupun perbincangan di atas menunjukkan berlakunya dua mekanisme yang berbeza berhubung keperluan untuk memohon SPP, sebenarnya keperluan kepada perintah tunggakan nafkah tidak diperlukan lagi sekiranya perintah nafkah telahpun dikeluarkan oleh mahkamah sebelumnya. Perintah nafkah ini sudah memadai sebagai penghakiman bagi orang yang diperintahkan oleh mahkamah bagi mengeluarkan jumlah kewangan tertentu seperti dalam kes pembiayaan nafkah anak dan isteri. Mana-mana pihak yang melanggar perintah tersebut adalah berhak dikuatkuasakan pelaksanaan perintah ke atasnya oleh pihak mahkamah. Amalan yang sama perlu dikuatkuasakan bagi SPP, apabila defendan telah terbukti melanggar perintah yang telah dikeluarkan sebelumnya. Mahkamah melalui pendaftar atau hakim syarie berbidangkuasa untuk menyiasat dan melakukan semakan bagi penguatkuasaan SPP dengan meneliti segala dokumen dan kemudiannya melakukan taksiran ke atas tunggakan hutang yang telah berlaku. Perintah tunggakan nafkah yang baharu adalah tidak sesuai kerana ia melambatkan proses hak pemiutang untuk mendapatkan kembali hak mereka yang tertunggak, sedangkan SPP adalah proses yang hanya memeriksa penghutang penghakiman mengenai alasan keenggaran mereka dalam melaksanakan perintah mahkamah.

Justeru bagi menyelesaikan pertikaian ini daripada berulang dan memberi ketidakadilan kepada pihak-pihak yang menuntut, maka satu prosedur atau tatacara yang konsisten (*Standard Operation Procedure*) perlu dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah



Malaysia, misalnya melalui Tatacara Pengendalian Piawai melalui Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie. Prosedur standard ini boleh menjadi panduan bagi memudahkan pihak peguam atau hakim-hakim yang berhadapan dengan permohonan SPP dapat mengikuti tatacara yang selaras dan konsisten. Ini akan memberi kepuasan hati kepada semua pihak terlibat, mengelak prejudis dan sekaligus dapat mempercepatkan proses pembayaran hutang dan menjamin hak pemiutang penghakiman dapat dikuatkuasakan dengan segera.

#### RUJUKAN

- Abdul Sany Faizal bin Abdul Rahman lwn Zulraini binti Zulkifli* (2009) No. Kes Mal: 14000-037-0001-2009 Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Abdul Walid Abu Hassan. (2016). *Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Selangor: Universiti Islam Malaysia.
- Aidorra binti Ibrahim lwn Azman bin Abdul Jalil* (2008) (2008) 2 SHLR 140
- Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
- Akta 585, Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998
- Al-Sarakhsi, Abi Bakr Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Sahal. (2001). *Al-Mabsut*. Beirut: Dal al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Azlinda Wahab lwn. Fazley Zulfikar Ismail* (2018) (2018) 3 LNS 9
- Enakmen No. 11, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- Maslinda Abdul Rahman lwn Mohd Alias Jab* (2018)

- (2018) 3 LNS 11
- Mohd Yusoff bin Ali lwn Zaharah binti Ayob* (2019) No. Kes Mal: 07000-037-0005-2019 Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang. (2008) 2 SHLR 140
- Muhammad Salām Madkūr. (1963). *Al-Madkhal li al-Fiqh al-Islām*. Meşir: Matba'ah Dār al- Nahḍah al-'Arabīyyah.
- Muhammad Soleh bin Ahmad. (1998). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Nurasikin binti Othman lwn Mohd Hafiz bin Ahmad* (2017)' No. Kes Mal: 07003-023-0085-2017 Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- Nor Azmin bin Tajul Arifin lwn Reni Elvira binti Nasrul* (2015). No. Kes Mal: 14000-003-0035-2015 Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Noraini Taha lwn Rizal Sazali Omar* (2008) (2008) 25 (2) JH 265
- Pendakwa Syarie lwn Fahyu Hanim, Noni Mohamad & Sharina Shaari* (2000) 8 JS 137
- Rokiah binti Hussein lwn Zulkifli bin Husin* (2019). No. Kes Mal: 07004-037-0420-2019 Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang.
- Suriati binti Othman lwn Abdul Ghani bin Yusuf* (2016) No. Kes Mal: 07003-023-0781-2016 Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- Zaharah binti Ayob lwn Mohd Yusoff bin Ali* (2018). No. Kes Mal: 07200-037-0202-2018 Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang.

#### NOTA AKHIR

- 
- <sup>1</sup> Seksyen 59(1) Akta 303 *Tertakluk kepada Hukum Syarak, Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya*. Lihat juga Seksyen 72(1) *Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya*.
- <sup>2</sup> Seksyen 134(2) Akta 585 *Jika apa-apa ansuran yang dibenarkan dengan perintah di bawah subseksyen (1) tertunggak selama tempoh lebih daripada satu bulan, perintah itu hendaklah disifatkan telah terbatal dan pemiutang penghakiman bolehlah menjalankan pelaksanaan bagi mendapatkan kesemua amaun yang pada masa itu kena dibayar penghakiman itu, tetapi penghutang penghakiman itu boleh memohon untuk mendapatkan perintah yang lain*.
- <sup>3</sup> Al-Sarakhsi, Abi Bakr Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Sahal. (2001/1417). *Al-Mabsut, jilid 5*. Beirut: Dal al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm 210.
- <sup>4</sup> Abdul Walid Abu Hassan. (2016). *Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Selangor: Universiti Islam Malaysia. Hlm 109.
- <sup>5</sup> *Rokiah binti Hussein lwn Zulkifli bin Husin* (2019). No. Kes Mal: 07004-037-0420-2019 Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang.
- <sup>6</sup> *Zaharah binti Ayob lwn Mohd Yusoff bin Ali*. (2018). No. Kes Mal: 07200-037-0202-2018 Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang.
- <sup>7</sup> Seksyen 69 Akta 303
- <sup>8</sup> Seksyen 176 Akta 585
- <sup>9</sup> Akta 303
- <sup>10</sup> Seksyen 69 Akta 303
- <sup>11</sup> Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang dan

- bekas hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Perlis dan Negeri Sembilan, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 2, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 19hb Februari 2021.
- <sup>12</sup> Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang
- <sup>13</sup> Ibid
- <sup>14</sup> No. Kes Mal: 07003-023-0085-2017 Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- <sup>15</sup> No. Kes Mal: 07003-023-0781-2016 Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- <sup>16</sup> Akta 585
- <sup>17</sup> Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang. Op.Cit
- <sup>18</sup> Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang. Op.Cit.
- <sup>19</sup> Akta 585, Jadual Ketiga
- <sup>20</sup> Akta 585, Jadual Ketiga
- <sup>21</sup> Seksyen 177 (2) Akta 585 *“Suatu saman penghutang penghakiman hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman itu sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran saman itu.”*
- <sup>22</sup> Seksyen 48 Akta 585 *“(1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa atas apa-apa alasan yang mencukupi saman itu atau dokumen lain tidak dapat disampaikan secara biasa, Mahkamah boleh memerintahkan supaya saman itu atau dokumen lain disampaikan dengan cara menampalkan suatu salinannya di papan kenyataan Mahkamah atau suatu tempat yang mudah dilihat di bangunan tempat orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan terakhir diketahui tinggal, atau mengikut apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah. (2) Mahkamah boleh juga, dalam mana-mana hal yang termasuk dalam subseksyen (1), membuat perintah supaya penyampaian dibuat melalui iklan dalam mana-mana akhbar tempatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.”*
- <sup>23</sup> No. Kes Mal: 14000-037-0001-2009 Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- <sup>24</sup> (2018) 3 LNS 9
- <sup>25</sup> (2018) 3 LNS 11
- <sup>26</sup> No. Kes Mal: 14000-003-0035-2015 Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- <sup>27</sup> (2008) 2 SHLR 140
- <sup>28</sup> No. Kes Mal: 07000-037-0005-2019 Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang.
- <sup>29</sup> No. Kes Mal: 14000-003-0035-2015 Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- <sup>30</sup> (2008) 2 SHLR 140
- <sup>31</sup> No. Kes Mal: 07000-037-0005-2019 Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang.
- <sup>32</sup> No. Kes Mal: 14000-037-0001-2009 Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- <sup>33</sup> Akta 585.
- <sup>34</sup> Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang. Op.Cit
- <sup>35</sup> Seksyen 178 Akta 585.
- <sup>36</sup> Seksyen 178 Akta 585. (3) *“Mahkamah boleh memerintahkan penghutang penghakiman membayar hutang penghakiman itu sama ada (a) sekali gus dengan serta-merta atau dalam apa-apa masa yang ditetapkan oleh Mahkamah; atau (b) melalui apa-apa ansuran yang hendaklah dibayar pada masa yang ditetapkan oleh Mahkamah.”*
- <sup>37</sup> (2008) 25 (2) JH 265
- <sup>38</sup> Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang.
- <sup>39</sup> Ibid
- <sup>40</sup> Muhammad Salām Madkūr. (1963). *Al-Madkhal li al-Fiqh al-Islām*. Mesir: Matba’ah Dār al-Nahḍah al-‘Arabīyyah. Hlm 332
- <sup>41</sup> (2000) 8 (1) JS 137
- <sup>42</sup> Muhammad Soleh bin Ahmad. (1998). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. Hlm 608.

Mohd Hazwan Ismail  
hazwanismail@student.usm.my  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia  
MALAYSIA

Jasni Sulong  
jasni@usm.my  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia  
MALAYSIA

**KANDUNGAN / CONTENTS**

<b>Asas Forensik Dalam Islam Berdasarkan Sejarah Dan Elemen</b> <i>The Basics of Forensics In Islam Based on The History And Elements</i> Athirah Mahussin, Nurbazla Ismail, Abdul Basir Mohamad	1-8
<b>Mapping The Common Law Concept of Misrepresentation in Contract Under The Islamic Law</b> Norhoneydayatie Abdul Manap, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Amirah Madihah Adnan	9-16
<b>Panduan Ulama Islam Berkaitan Amalan Pencegahan Penularan Pandemik: Satu Sorotan</b> <i>Muslim Scholars Guidances on Prevention of Pandemic:An Overview</i> Mohd Sophian Bin Ismail, Mohd Arif Bin Nazri, Najah Nadiyah Binti Amran	17-28
<b>Saman Penghutang Penghakiman: Keperluan Perintah Nafkah atau Perintah Tunggakan Nafkah</b> <i>Judgment Debtor Summons: Requirements for Maintenance Order or Recovery of Arrears of Maintenance Order</i> Mohd Hazwan Ismail, Jasni Sulong	29-38
<b>Baby Hatch Menurut Perundangan Malaysia dan Syarak</b> <i>Baby Hatch According to Malaysian Law and Syarak</i> Syahida Nafisah Hishamuddin, Wafaa' Yusof	39-52
<b>Aplikasi Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa dalam Siyasa Syariyyah</b> <i>Application of the Method of Changing the Rulings Due to Changes in Time in Siyasa Syariyyah</i> Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor, Fatimah Nadirah Binti Mohd Noor	53-61

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(1)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**International Editor**

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeli

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.